

**BAHAGIAN PEPERIKSAAN DAN PENILAIAN
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI**

**PEPERIKSAAN AKHIR TEORI
SESI I : 2024 / 2025**

SIJIL PENGOPERASIAN PERNIAGAAN

**SPP 30283
PERNIAGAAN ANTARABANGSA**

Dua (2) jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

ARAHAN UMUM

1. Kertas soalan ini mengandungi **DUA (2)** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**.
2. Jawab **semua** soalan di kedua-dua bahagian.
3. Bahagian A mengandungi **Dua Puluh (20)** soalan aneka pilihan dengan empat pilihan jawapan **A, B, C** dan **D**. Bagi tiap-tiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** pilihan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
4. Bahagian B mengandungi **Tiga (3)** soalan subjektif. Tuliskan jawapan anda dalam buku jawapan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah dikembalikan semula kepada Pengawas setelah tamat peperiksaan.

Kertas soalan ini mengandungi **SEBELAS (11)** halaman bercetak termasuk halaman hadapan

BAHAGIAN A*[40 markah]*Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

1. Apakah yang didefinisikan sebagai perniagaan antarabangsa? CLO1
T1
- A** Perjanjian untuk kerjasama import dan eksport.
B Persetujuan perniagaan di antara Malaysia dan negara Asean.
C Perniagaan yang melibatkan import dan eksport di antara negara Malaysia dan negara luar.
D Peniagaan yang melibatkan transaksi dua hala atau pun pelbagai hala dalam import, eksport dan juga entreport.
2. Yang manakah **BUKAN** peranan dan kepentingan perniagaan antarabangsa? CLO1
T1
- A** Tukaran asing.
B Pasaran luas.
C Guna tenaga.
D Kerjasama pertahanan.
3. Perniagaan antarabangsa mempunyai beberapa tahap. Antara berikut, yang manakah **BUKAN** tahap perniagaan antarabangsa? CLO2
T1
- A** Global.
B Multinasional.
C Antarabangsa.
D Industri Kecil Sederhana.

4. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang perniagaan antarabangsa berbanding perniagaan domestik. CLO2
T1
- A** Perniagaan antarabangsa lebih banyak menggunakan sistem barter sebagai medium pembayaran.
 - B** Perniagaan antarabangsa melibatkan aktiviti import,eksport dan entreport manakala perniagaan domestik banyak memfokuskan kepada perkhidmatan.
 - C** Perniagaan antarabangsa banyak menggunakan sistem logistik yang berasaskan udara dan air manakala perniagaan domestik banyak menggunakan sistem logistik darat.
 - D** Perniagaan antarabangsa lebih banyak menggunakan emas sebagai medium pembayaran manakala perniagaan domestik banyak menggunakan sistem pembayaran menggunakan saham.
5. Salah satu tujuan import yang **BETUL** adalah CLO1
T2
- A** untuk mempromosikan industri muzik sesebuah negara.
 - B** untuk aktiviti mempromosikan sesebuah negara di peringkat antarabangsa.
 - C** untuk merapatkan hubungan diplomatik sesebuah negara untuk mengelakkan peperangan.
 - D** untuk mendapatkan keluaran yang tidak dapat dihasilkan di dalam negara sendiri akibat kos yang tinggi, perbezaan iklim dan perbezaan milikan faktor.
6. Apakah salah satu keburukan dalam sistem francais? CLO1
T2
- A** Peluang untuk berjaya amatlah tipis.
 - B** Terlalu banyak pekerja yang perlu digajikan.
 - C** Pemilihan lokasi perniagaan yang yang terhad.
 - D** Yuran perlesenan dan royalti yang sangat tinggi.

7. Pilih pernyataan yang **BETUL** tentang syarikat multinasional. CLO1
T3
- A** Syarikat multinasional ialah sebuah firma yang beroperasi di negara asal dan mempunyai ibu pejabat di Amerika Syarikat.
 - B** Syarikat multinasional ialah sebuah firma yang beroperasi di negara asal dan beroperasi di beberapa buah negara lain secara serentak.
 - C** Syarikat multinasional ialah sebuah firma yang beroperasi di Eropah dan beroperasi di beberapa negara Asean sahaja.
 - D** Syarikat multinasional ialah sebuah firma yang beroperasi di Malaysia dan beroperasi di beberapa buah negara lain secara bermusim.
8. Pernyataan yang manakah **BETUL** tentang tujuan mengembangkan perniagaan ke peringkat multinasional? CLO1
T3
- A** Untuk meningkatkan populariti sesebuah negara.
 - B** Untuk meningkatkan saiz pasaran dan pelaburan.
 - C** Untuk memilih pengurus yang terbaik untuk diketengahkan di peringkat antarabangsa.
 - D** Untuk meningkatkan kerjasama dalam pertahanan dan keselamatan negara.
9. Cabaran dalam pengoperasian syarikat multinasional adalah CLO1
T3
- A** Cabaran dalam sosiobudaya.
 - B** Cabaran dalam perjawatan pengkeranian.
 - C** Cabaran dalam nilai peruncitan dan pemborongan.
 - D** Cabaran dalam jumlah pekerja pengoperasian perniagaan.

10. Pernyataan yang manakah menerangkan tentang risiko politik yang perlu dihadapi dalam pengoperasian syarikat multinasional? CLO1
T3
- A** Kadar sewa tanah bagi kilang yang sangat tinggi.
 - B** Keadaan politik yang tidak stabil boleh mengakibatkan kadar pertukaran mata wang asing sentiasa berubah.
 - C** Pemilihan lokasi perniagaan yang terhad kerana pemilihan lokasi mestilah berdasarkan kesuburan tanah dan mineral.
 - D** Tahap pendidikan pekerja di sesebuah negara berdasarkan jumlah sekolah menengah dan rendah di negara itu.
11. Apakah nama penuh MATRADE? CLO1
T4
- A** *Malaysia Exit Trade Development Commission.*
 - B** *Malaysia Export Trade Development Corporation.*
 - C** *Malaysia External Trade Development Companies.*
 - D** *Malaysia External Trade Development Corporation.*
12. Berikut adalah fungsi penubuhan MATRADE **KECUALI** CLO1
T4
- A** Untuk menaikkan profil pengeksport Malaysia di pasaran luar negara.
 - B** Untuk menyebarkan maklumat dan risikan pasaran supaya syarikat-syarikat Malaysia mampu bersaing dalam pasaran.
 - C** Untuk pemilihan tapak kilang bagi syarikat multinasional berdasarkan populariti sesebuah industri dan negara itu sendiri.
 - D** Untuk memperkenalkan syarikat-syarikat Malaysia kepada pengimport asing yang mencari pembekal dari Malaysia.

13. Matlamat penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (*ASEAN Free Trade Area*) adalah CLO1
T4
- A** Untuk mobiliti emas bagi pembayaran transaksi.
 - B** Menyeragamkan tariff kepada negara bukan anggota.
 - C** Untuk menghapuskan unsur-unsur ketidakadilan di dalam pendidikan tinggi.
 - D** Untuk mobiliti buruh, modal, syarikat yang bebas, mewujudkan polisi-polisi pengangkutan, pertanian, pendidikan persaingan dan perilaku perniagaan bersama.
14. Objektif penubuhan Kesatuan Eropah (*European Union*) adalah CLO2
T5
- A** Menghapuskan duti kastam untuk semua negara anggota.
 - B** Memastikan perdagangan dijalankan berdasarkan pendidikan.
 - C** Menyelaraskan dasar kewangan berdasarkan tahap kemahiran.
 - D** Menghapuskan sistem pengurusan maklumat di dalam organisasi.
15. Tujuan penubuhan Persatuan Negara-negara Asia Tenggara (*ASEAN*) adalah CLO1
T5
- A** Untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan menerusi program-program kerjasama serantau.
 - B** Untuk menggalakkan pembangunan ekonomi, sosial dan kebudayaan menerusi program-program kerjasama Malaysia.
 - C** Untuk mengukuhkan kestabilan politik dan ekonomi serantau agar dapat menghadapi persaingan ekonomi dari Argentina.
 - D** Bertindak sebagai satu forum untuk menyelesaikan sebarang permasalahan yang timbul dalam pertanian dan penternakan sahaja.

16. Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (*Asia-Pacific Economic Corporation*) menyatakan bahawa CLO2
T5
- A** ianya dapat meningkatkan kemahiran pekerja bukan asing.
 - B** ianya dapat mempercepatkan pertumbuhan pertanian di Eropah.
 - C** ianya dapat memupuk industri perlancongan desa di kalangan negara anggota.
 - D** ianya dapat mengembangkan kegiatan ekonomi serta kerjasama dalam bidang teknikal.
17. Kuota merupakan salah satu sekatan perdagangan yang dikenakan oleh sesebuah negara. Apakah maksud kuota dalam konteks perdagangan antarabangsa? CLO1
T5
- A** Had jumlah produk yang boleh diimport atau dieksport.
 - B** Cukai yang dikenakan ke atas barang sukan import sahaja.
 - C** Sijil kualiti yang diperlukan sebelum mengeksport kenderaan.
 - D** Perjanjian antara dua negara untuk menghapuskan tariff import.
18. Apakah yang dimaksudkan dengan subsidi eksport dalam konteks perdagangan antarabangsa? CLO1
T5
- A** Pengurangan cukai ke atas barang-barang import.
 - B** Sekatan ke atas jumlah produk yang boleh diimport.
 - C** Perjanjian antara negara untuk meningkatkan eksport.
 - D** Bantuan kewangan yang diberikan oleh kerajaan kepada pengeksport.

19. Antara pernyataan berikut, yang manakah **BETUL** mengenai embargo dalam perdagangan antarabangsa? CLO2
T5

- A** Embargo adalah larangan sepenuhnya terhadap perdagangan dengan negara mundur.
- B** Embargo boleh dikenakan untuk sebab politik, keselamatan, atau ekonomi negara Eropah.
- C** Embargo boleh dikenakan berdasarkan faktor politik, keselamatan atau pun ekonomi sesebuah negara.
- D** Embargo boleh menyebabkan kesan negatif kepada kedua-dua negara yang terlibat dengan kuasa nuklear yang membahayakan.

20. Berdasarkan pernyataan-pernyataan berikut, yang manakah **SALAH** mengenai kawalan pertukaran asing dalam perdagangan antarabangsa? CLO1
T5

- A** Kawalan pertukaran asing hanya dikenakan ke atas individu dan tidak melibatkan syarikat.
- B** Kawalan pertukaran asing bertujuan untuk menstabilkan nilai mata wang sesebuah negara.
- C** Kawalan pertukaran asing boleh mempengaruhi aliran masuk dan keluar modal dalam sesebuah negara.
- D** Kawalan pertukaran asing adalah sekatan yang dikenakan oleh kerajaan terhadap pembelian dan penjualan mata wang asing.

BAHAGIAN B*[60 markah]*

Arahan: Jawab **SEMUA** soalan.

Soalan 1

- a) Huraikan tentang kepentingan berikut di dalam perniagaan antarabangsa. CLO1
T1
- i. Tukaran asing.
- ii. Pasaran luas.
- [4 markah]*
- b) Senaraikan **TIGA (3)** perbezaan di antara perniagaan dalam negeri berbanding dengan perniagaan antarabangsa. CLO1
T1
- [6 markah]*
- c) Senaraikan **EMPAT (4)** cabaran di dalam syarikat multinasional. CLO1
T3
- [4 markah]*
- d) Jelaskan tentang **TIGA (3)** kelebihan struktur organisasi mengikut geografi bagi sesebuah perniagaan antarabangsa. CLO2
T3
- [6 markah]*

Soalan 2

- a) Berikan **TIGA (3)** kebaikan eksport.

CLO1
T2

[3 markah]

- b) Nyatakan **TIGA (3)** kelemahan import.

CLO1
T2

[3 markah]

- c) Jelaskan tentang kaedah-kaedah bukan tarif berikut:

CLO1
T5

- i. Kempen membeli barangan tempatan.
- ii. Piawai.
- iii. Anti lambakan.

[6 markah]

- d) Terangkan tentang **EMPAT (4)** objektif perlindungan antarabangsa berikut:

CLO1
T5

- i. Melindungi industri tempatan.
- ii. Mengurangkan Kebergantungan Terhadap Negara Luar.
- iii. Menggalakkan Pertumbuhan Ekonomi Domestik.
- iv. Menangani Perdagangan Tidak Adil.

[8 markah]

Soalan 3

- a) Senaraikan **EMPAT (4)** strategi Pakatan Perniagaan Antarabangsa (*World Trade Organization*). CLO1
T4
- [4 markah]
- b) Nyatakan **TIGA (3)** matlamat penubuhan Kawasan Perdagangan Bebas ASEAN (*ASEAN free Trade Area*). CLO1
T4
- [6 markah]
- c) Terangkan tentang **TIGA (3)** fungsi Kesatuan Eropah (*European Union*) kepada negara anggota. CLO1
T5
- [6 markah]
- d) Jelaskan tentang CLO1
T5
- i. Kempen Belilah Barangan Buatan Malaysia
 - ii. Subsidi
- [4 markah]

SOALAN TAMAT
Selamat Menjawab